



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 OCTOBER 2016



NAJIB TUN RAZAK sambil diiringi Rosmah Mansor ketika menandatangani buku takziah memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Raja Bhumibol Adulyadej di Grand Palace, Bangkok, Thailand semalam. - BERNAMA

Kemangkatan Raja Bhumibol amat dirasai

Um - 23/10/2016

BANGKOK 22 Okt. - Kemangkatan Raja Bhumibol Adulyadej bukan sahaja amat dirasai oleh rakyat Thailand tetapi oleh seluruh rantau Asia Tenggara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Perdana Menteri yang memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Raja Bhumibol di Grand Palace hari ini berkata, mendiang juga mahukan hubungan yang erat antara Malaysia dan Thailand.

"Ketidadaan King Bhumibol bukan sahaja kehilangan kepada rakyat Thailand tetapi baginda adalah seorang raja yang mahukan hubungan erat antara Malaysia dan Thailand, di samping itu baginda mahukan rantau Asia Tenggara lebih aman dan makmur," katanya kepada media Malaysia hari ini.

Najib berkata, Raja Bhumibol yang bersemayam di takhta selama tujuh dekad, amat disayangi oleh rakyat Thailand dan amat

dekat di hati mereka.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor sebelum itu meletakkan kalungan bunga serta menandatangani buku takziah di Grand Palace, di sini.

Menurut Najib, beliau hadir di Grand Palace untuk memberi penghormatan terakhir kepada Raja Bhumibol bagi pihak rakyat dan kerajaan Malaysia serta menyampaikan ucapan takziah.

"Hari ini saya dapat lihat manifestasi kasih sayang tersebut apabila ribuan rakyat Thailand beratur dalam keadaan cuaca terik dengan ada yang melutut berjam-jam di jalan raya... tetapi mereka semua hendak tunjukkan kasih sayang mereka kepada King Bhumibol," katanya.

Perdana Menteri dan isteri yang tiba semalam dijangka berlepas pulang ke tanah air petang ini.

Raja Bhumibol mangkat Khamis lepas pada pukul 3.52 petang di Hospital Siriraj, se-

Waktu Solat		MBSB			
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya					
5.39	6.56	12.59	4.17	6.59	8.09
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya					
5.46	7.03	1.04	4.23	7.02	8.13
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya					
5.33	6.50	12.53	4.11	6.52	8.02
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya					
5.29	6.47	12.51	4.08	6.52	8.02
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya					
5.03	6.20	12.25	15.42	6.25	7.36

lepas sakit sejak beberapa tahun lepas.

Mendiang berusia 89 tahun.

- BERNAMA